



Bangunan UMNO Pulai yang gah hanya tinggal nama sahaja.



Bangunan UMNO Pulai yang dahulunya menjadi kebanggaan ahlinya

Bangunan Ibu Pejabat UMNO Pulai dan Dewan UMNO Pulai yang gah sedikit masa dahulu entah ke mana halatujunya. Sila layari <http://umnopulai.tripod.com> untuk melihat bagaimana ianya diagung-agungkan. Ramai ahli-ahli UMNO dan pengundi Pulai sendiri tertanya-tanya dimanakah silapnya sehingga bangunan yang menjadi kemegahan ahli-ahlinya ini langsung ditinggalkan begitu sahaja.

Apa tidaknya Taklimat Pilihanraya pada 17 Januari 2004 kepada YAB Menteri Besar Johor bukan dibuat di Dewan atau Bilik Gerakan UMNO Pulai itu sendiri tetapi dibuat di Bilik Gerakan Denai, Kempas di dalam kawasan penduduk setingan. Bilik Gerakan Denai, Kempas ini dijadikan Bilik Gerakan Jentera Pilihanraya UMNO Bahagian Pulai untuk menghadapi Pilihanraya akan datang.

Dahlah begitu, Taklimat Pilihanraya oleh Jentera Pergerakan Wanita kepada Datuk Seri Rafidah Aziz pada 8 Februari 2004 tidak juga diadakan di Dewan atau Bilik Gerakan Pulai tetapi telah diadakan bertempat di Dewan Serbaguna, Bandar Selesa Jaya, Johor Bahru.

Ramai pengundi dan ahli-ahli UMNO mahupun juga penduduk dalam Pulai tertanya-tanya kenapa setiap program besar yang melibatkan UMNO Bahagian atau lawatan-lawatan Pemimpin Tertinggi UMNO Malaysia tidak dibuat di Dewan UMNO atau Bilik Gerakan UMNO Pulai sendiri? Atau ada agenda tersembunyi yang sengaja direncanakan oleh pihak-pihak tertentu hanya untuk mengaibkan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri?

Apa yang lebih jelas, apakah tanah terbinanya Dewan UMNO dan Bangunannya itu milik UMNO Pulai atau milik individu tertentu? Secara logiknya UMNO Pulai seharusnya mengoptimalkan penggunaan prasarana yang ada untuk setiap program-program UMNO sendiri dan penggunaan Bilik Gerakan yang khusus di Bangunan UMNO itu sendiri menonjolkan kewibawaan kepimpinan UMNO Pulai. Apakah soalnya kerana Tok Mat telah tidak menjadi Ahli Parlimen maka wakil-wakil rakyat yang lain tidak boleh menggunakan bangunan UMNO Pulai kerana pembinaannya dibiayai oleh wang kocek Tok Mat sendiri?

Jika itulah hakikatnya maka terserlahlah apa yang selama ini tersirat dan telah tersurat kerana kebodohan tindak-tanduk pemimpin Pulau sendiri.

Apakah kali ini Pulau akan kecundang atau pengundi masih lagi akan memilih BN walaupun siapa juga yang dicalonkan tetapi apa yang jelas wakil-wakil rakyat yang bakal diletakkan dalam kawasan Pulau bukanlah dari dynasti Tok Mat.

Ini bukan kehendak pemimpin Pulau tetapi adalah hasrat dan kehendak rakyat dalam kawasan Pulau itu sendiri.

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.